

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : DALAM NEGERI

Dalam Negeri

Minda
Pengarang

ISMAIL DAUD



Sampai bila mahu tangguh Akta 852

AKTA Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 (Akta 852) sepatutnya dikuatkuasakan sejak Jun lalu tetapi sehingga ke hari ini, ia belum terlaksana. Tidak pasti apa yang menjadi penghalang. Yang pasti, semakin lambat dikuatkuaskan, semakin besar kesannya kepada kesihatan rakyat.

Akta itu digubal bukan sahaja untuk mengekang penggunaan produk tembakau tetapi juga untuk menangani peningkatan rokok elektronik dan vape dalam kalangan orang muda yang kini sudah menjadi budaya dalam kalangan generasi tersebut.

Menurut satu kajian pada 2023, penggunaan rokok elektronik di Malaysia meningkat sebanyak 600 peratus dalam tempoh 12 tahun dan pengguna berumur 15 hingga 24 tahun menunjukkan peningkatan drastik dari 1.1 peratus pada tahun 2011 kepada 8.6 peratus pada tahun lalu.

Kajian Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) di seluruh negara pada tahun lalu pula mendapati hampir 15,000 pelajar sekolah menghisap rokok elektronik dan vape.

Tidak perlu disebutkan lagi tentang kes kanser akibat tabiat merokok tetapi perkara yang paling menakutkan kini ialah sudah banyak kes kecederaan paru-paru akibat penggunaan vape (EVALI).

Akhbar *Daily Mail* baru-baru ini melaporkan, sejumlah dua liter cecair dikeluarkan dari paru-paru seorang wanita di Amerika Syarikat yang dimasukkan ke hospital akibat ketagihan vape. Di negara ini, kisah seorang pemuda berusia 24 tahun yang terpaksa ditidurkan selepas imbasan CT Scan mendapati paru-parunya dipenuhi dengan cecair akibat menghisap vape tersebut luas dalam media sosial.

Vape kini bukan sahaja mengancam kesihatan manusia tetapi kini menjadi ancaman baharu kepada pencemaran alam sekitar berdasarkan peningkatan penemuan sisa produk vape dalam program pembersihan pantai sejak kebelakangan ini.

Peranti vape mengandung bateri dan diperbuat daripada plastik dan pelupusan secara tidak betul bukan sahaja mendaangkan bahaya pencemaran logam berat kepada alam sekitar malah memberi risiko kepada kesihatan manusia.

Kementerian Kesihatan (KKM) sudah tidak boleh lagi menangguhkan penguatkuasaan akta ini. Berita terbaru, KKM berharap dapat melaksanakannya pada Oktober ini. Diharapkan kan tidak ada lagi penangguhan. Pelbagai pihak mahu larangan paparan di tempat jualan, jualan dalam talian dan mesin layan diri serta amaran kesihatan mandatori pada pembungkusan dilaksanakan segera.

Penangguhan bermakna bukan sahaja kesihatan orang raya menjadi taruhan tetapi juga memberi satu persepsi bahawa kerajaan tunduk kepada tekanan daripada industri tembakau dan vape.

Malah, kumpulan antitembakau mendakwa Akta 852 sudah beberapa kali disemak semula bagi memenuhi permintaan daripada industri tembakau, vape dan pengeluar produk merokok.

Akibat penundaan itu juga, pemain industri vape dilihat mengambil kesempatan dengan membuat promosi besar-besaran termasuk memerluri *billboard* di lebuh raya utama, kononnya vape adalah alternatif terbaik untuk berhenti merokok.

Malaysia memang sudah terlambat untuk mengikut jejak langkah Thailand dan Singapura yang mengharamkan vape tetapi janganlah turut terlambat menguatkuasakan Akta 852. Walaupun akta itu tidak mungkin mampu menamatkan sepenuhnya masalah penggunaan tembakau dan produk merokok yang lain tetapi sekurang-kurangnya ada kawalan yang ketat.

Kerajaan mestи serius dan tunjukkan keseriusan dalam menangani isu rokok, vape dan produk seumpamanya demi kebaikan semua.

Ismail Daud adalah Timbalan Pengarang Utusan Malaysia/Mingguan Malaysia

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 31
RUANGAN : FORUM



PENULARAN penggunaan dadah yang bersembunyi di sebalik produk vape ini bukan sahaja menjelaskan masa depan generasi muda, malah menimbulkan ancaman besar kepada kesihatan awam.

Flavour Mushroom dadah baharu yang mengancam remaja

SAUDARA PENGARANG.

GERAKAN mendesak kerajaan segera mengharamkan rokok elektronik atau vape ekoran penggunaan semakin meluas dalam kalangan pelajar sekolah dan golongan remaja.

Kerajaan perlu menangani isu vape yang tidak terkawal dalam kalangan pelajar dengan kadar segera kerana terbaharu *Flavour mushroom* menyebabkan pelajar yang menghisap vape akan mengalami fenomena halusinasi.

Menurut carian di google, *Flavour mushroom*, sejenis dadah baharu yang tersembunyi di sebalik penggunaan vape, semakin mendapat perhatian khususnya di kalangan remaja yang masih berada di bangku sekolah.

Trend ini amat membimbangkan, terutamanya dengan peningkatan penggunaan bahan ini yang boleh membawa kesan sampingan yang serius.

Penularan penggunaan dadah yang bersembunyi di sebalik produk vape ini bukan sahaja menjelaskan masa depan generasi muda, malah menimbulkan ancaman besar kepada kesihatan awam.

Terdapat 37 negara yang melarang jual beli vape. Negara-negara Asia Tenggara seperti Singapura dan Thailand juga melarang sepenuhnya penjualan, penggunaan, dan pemilikan vape.

Kerajaan Malaysia seharusnya memberi perhatian yang lebih serius dan mempertimbangkan untuk menguatkuasakan pengawalan ketat atau larangan sepenuhnya terhadap vape.

Saya turut melahirkan keimbangan terhadap laporan baru-baru ini yang terdapat pelajar menggunakan vape di tandas sekolah dan bilik darjah yang tidak digunakan.

Sehubungan itu, Kementerian Pendidikan dan Kementerian Kesihatan perlu bekerjasama dan meningkatkan kesedaran mengenai bahaya penggunaan vape.

WENDY SUBRAMANIAM
Timbalan Setiausaha Agung GERAKAN

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : NATION

Over 300 S'gor eateries shut down over hygiene violations

By CHARLES RAMENDRAN
 charles.ramen@thestar.com.my

SEPANG: The Health Ministry has shut down 334 eateries in Selangor since 2022 for various violations related to food safety and hygiene, says Datuk Lukanisman Awang Sauni.

The Deputy Health Minister said between 2022 and June this year, the ministry had conducted 6,179 inspections under an initiative called Ops Clean Premises.

Eateries found to have breached the Food Hygiene Regulations 2009 were ordered to cease business, he said.

Speaking at the launch of the 2024 World Food Safety Day at the KL International Airport (KLIA) here yesterday, Lukanisman said, "Food poisoning cases are among the challenges that demand attention."

tion as they often leave a huge impact on society. There must be consistent intervention (by the authorities) to ensure such occurrences are minimised."

He added that the ministry was also turning to the use of artificial intelligence (AI) in promoting food safety awareness across the country.

"I also urge the public to adopt the practice of 'look, smell and taste' when it comes to food to lower the risk of food poisoning."

On another matter, Lukanisman said so far, there were no new cases of mpox reported in the country.

He said of the 62 suspected cases, there was only one positive case while 59 were negative and two others were under observation pending further laboratory tests.



Lukanisman said as there was a limited supply of mpox vaccines, it was only being administered to healthcare staff tasked with managing cases or suspected cases of the disease.

"We will intensify screenings at checkpoints. The sole patient with

the disease is in isolation and being treated.

"The public should be aware that the disease spreads through those engaging in certain risky behaviour."

"We also advise operators of spas and beauty salons to be

watchful and take preventive steps when offering their services," he added.

Earlier, the deputy minister presented certificates of recognition to the operators of 96 eateries at KLIA and KLIA2 for maintaining high standards of hygiene.

Taste test:
 Lukanisman sampling food during his visit to a booth at the 2024 World Food Safety Day event in KLIA. With him is Selangor Health director Dr Ummi Kalthom Shamsudin.
 — ART CHEN/
 The Star

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 9
RUANGAN : NATION

THE STAR, MONDAY 23 SEPTEMBER 2024

Nation 9

Counselling for kids rescued from GISB-owned care homes

SEPANG: The over 400 children rescued by the police from care homes run by Global Ikhwan Services and Business Holdings (GISB) last week are seeing psychologists assigned by the Health Ministry.

Deputy Health Minister Datuk Lukanisman Awang Sauni said the rescued children, who are temporarily being housed at the Police Training Centre (Pulapol),

are undergoing mental health evaluations and counselling by psychologists from the National Centre of Excellence for Mental Health and Hospital Kuala Lumpur.

"The 449 children at Pulapol are being treated by the team of mental health experts to overcome the trauma they underwent at the care homes.

"Many of them are in a state of

shock and unaware of what is going on," he said.

The psychologists, he added, are also carrying out activities and rendering psychosocial therapy to help the children cope.

"This has to be done very delicately to ensure the children's well-being.

"This is a case that has to be viewed very seriously," he told a press conference at the KL

International Airport after launching the Selangor-level 2024 World Food Safety Day yesterday.

Lukanisman said the ministry will prepare such facilities and services nationwide as more children are expected to be rescued from GISB-owned care centres in the operation across the country.

On Sept 11, Bukit Aman Criminal Investigation Department launched an operation

codenamed Ops Global, under which 20 GISB-owned care homes in Selangor and Negeri Sembilan were raided.

The operation saw the rescue of 402 children and teenagers comprising 201 boys and 201 girls aged between one and 17 years.

With the operation currently in its fourth phase, the number of those rescued nationwide has risen to over 500.